

# Basikal persediaan ke arah bandar pintar

## PENGGUNAAN

basikal sebagai medium pengangkutan di beberapa negara maju bukanlah satu perkara luar biasa. Ini kerana, pengangkutan tersebut telah digunakan sejak berkurun lamanya.

Selain menjimatkan masa dan membudayakan gaya hidup sihat, ia secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar pencemaran udara.

Mengambil contoh penggunaan basikal yang



ZAINAL

dilaksanakan di negara China dan Singapura, Malaysia tidak ketinggalan untuk memperkenalkan basikal sebagai salah satu alternatif pengangkutan dalam kalangan orang ramai baru-baru ini.

Malah, penggunaan basikal yang dilengkapi dengan teknologi terkini sebagai salah satu medium pengangkutan awam juga dikatakan sebagai salah satu cara mewujudkan

bandar pintar pada masa hadapan.

Menurut Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi Universiti Putra Malaysia, Prof. Mohd. Zainal Abidin Ab. Kadir, penggunaan basikal disifatkan sebagai salah satu langkah persediaan ke arah pelaksanaan konsep bandar pintar di seluruh dunia pada masa hadapan.

“Saya lihat trend ini boleh dijadikan sebagai salah satu gaya kehidupan baru pada masa hadapan.

“Lebih-lebih lagi apabila penggunaan pengangkutan tersebut bukan sahaja komprehensif, malah menjimatkan masa orang ramai selain mampu mengelakkan kesesakan lalu lintas,” jelasnya.

Biarpun begitu, Zainal menjelaskan pelaksanaan tersebut perlu dibuat dengan teliti seperti menyediakan infrastruktur jalan yang lengkap untuk penunggang basikal bagi memastikan sistem tersebut dapat berjalan dengan lancar.